

## Akidah Sebagai Asas Pembinaan Masyarakat

Akidah atau kepercayaan ialah dinamo bagi seorang manusia bagi menerus atau melancarkan hidupnya supaya sampai kepada tujuan yang tertentu. Akidah ialah inti sari bagi agama-agama, juga menjadi asas-asas untuk memperbaiki kemajuan masyarakat. Sebab pun dikatakan akidah sebagai tiang atau asas pembinaan masyarakat, kerana sebarang tindakan yang dijalankan oleh siapa sahaja yang belum percaya, belum beriman, tindakan itu akan berakhir dengan kegagalan dan kekecewaan.

(Oleh: Al-Ustādh Hasan Salleh, Pensyarah Kolej Islam)

Mereka yang bercakap dengan mulut sahaja, tetapi belum ada keyakinan di dalam hatinya, belum beriman dengan apa yang diperkatakannya. Mereka yang sejalan ketika berhadapan dan belakang bersikap lain, mereka itu dianggap golongan munafik. Dalam surah “*al-Munāfiqīn*” Tuhan berfirman (ertinya): “Dan apabila engkau melihat mereka, menghairankanmu tubuh-tubuh mereka; dan jika mereka berkata-berkata engkau dengarkan perkataan mereka.”

Firmannya di dalam ayat yang pertama daripada surah ini “apabila orang-orang munafik itu datang kepadamu, mereka akan berkata: Kami mengakui bahawasanya engkau adalah pesuruh-Nya, dan Allah menyaksikan bahawasanya munafiqin itu orang yang berdusta.”

Gambaran akidah yang sebenar boleh disaring daripada gerak-geri dan peribadi junjungan kita Nabi Muḥammad (S.A.W) ketika beliau dikerumuni oleh orang-orang Quraisy untuk tawar menawar di dalam kepercayaan masing-masing. Maka ujar Rasul! Demi Allah hai bapaku kalaulah mereka itu meletakkan matahari di kananku dan bulan di kiriku supaya aku tinggalkan perkara ini (menyeru Islam) tidak aku tinggalkan sekali-kali, atau aku mati kerananya!

Demikianlah akidah dan kepercayaan Rasullullah, yang

setelah ia beriman dan percaya kepada agama begitu juga tidak menerima tawaran, tidak berganjak daripada sikapnya di dalam lain-lain ideologi yang diperjuangkan, kalaulah mahu kepada kejayaan mestilah mempunyai keyakinan, kalau tidak ideologi itu akan tenggelam begitu sahaja! Kita lihat orang-orang Barat memperjuangkan dasar hidup dan fikirannya dengan gagah berani, hingga mereka berjaya, mereka dapat melaksanakan apa yang dicita-citanya, begitu juga orang komunis, bagaimana mereka memperjuangkan fikirannya dengan bersungguh-sungguh, sampai mereka berjaya dan mempunyai pengaruh.

Tetapi cuba lihat orang-orang Islam memperjuangkan Islamnya dengan lembik, tidak bersemangat, tidak berjiwa, pekerjaan mereka sambil main sahaja, sebab itu kita lihat perkembangan Islam lambat, tidak berjiwa di masa yang akhir-akhir ini, sebab orang Islam sendiri tidak bertegas di dalam akidahnya, semua kerja hendak di main-main sahaja? Adakah jadi?

Orang-orang Islam masa sekarang ini dipengaruhi macam-macam fikiran berbagai-bagai aliran dan ideologi, ini semua membawa keburukan di dalam fikiran dan terkadang membawa goncang di dalam jiwa mereka. Umat Islam tidak ada jalan keluar bagi kita melainkan

dengan, meneguhkan ajaran dan semangat kepercayaan agama di dalam tiap-tiap dada pemuda-pemuda Islam. Kalau pemuda Islam mempunyai keyakinan dan iman sudah barang tentu akan lebih pesat dan maju.

Kepercayaan itu apabila sudah berjalan dengan jiwa, sudah bersehati dengan semangat, segala anggotanya akan bergerak untuk tujuan itu dengan tekun dan teguh. Tingkah lakunya menjadi bersih, manakala bercakap keluarlah kata-kata yang berguna dan berfaedah, apabila nafsunya hendak melakukan sesuatu yang kurang baik lantas akidah dan jiwanya yang sedar itu mengawas atau memberi amaran, agar dijauhkan diri daripada perkara yang tidak baik.

Oleh yang demikian Rasul bersabda: "Penzina tidak akan melakukan perzinaan kalau dia betul-betul beriman, dan pencuri tidak akan mencuri kalau dia betul-betul mukmin!" ERTINYA orang mukmin yang sebenar-benar beriman, tidak akan melakukan jenayah dan keburukan, kalau masih melakukan ini bererti iman dan akidahnya belum teguh dan kuat.

Nabi kita sendiri bukan sedikit membanting tulang, dan mengorbankan tenaganya untuk menguatkan akidah atau kepercayaan kepada Tuhan, tiga belas tahun di Mekah sebelum berpindah ke Madinah menyeru manusia agar menyembah Tuhan satu, menyeru supaya memperhatikan kejadian langit dan bumi, guna percaya kepada Allah, membuat bakti kepadanya setelah teguh kepercayaan orang-orang Islam baharulah mewajibkan sembahyang ke atas hambanya iaitu sebelum hijrah setahun kemudian difardhukan puasa, zakat dan haji selepas itu.

Dari sini kita mendapat kesimpulan bahawa, akidah itu martabatnya di atas sekali. Tiap-tiap seruan

yang baik mestilah ada akidah yang baik, kalau akidah dan kepercayaan itu sudah mendalam, segala yang lain itu menjadi kecil dan senang, manusia sedia berkorban kalau akidahnya sudah teguh manusia tidak takut mati kalau semangatnya sudah meyakini barang sesuatu.

Demikianlah pentingnya akidah bagi tiap-tiap seseorang tiap-tiap orang jangan bercakap kalau dia ragu-ragu, dan jangan bertindak melainkan kalau di dapati tindakannya itu berfaedah atau kerjanya berguna akidah ini bukan sahaja sifat perseorangan malah masyarakat pun mahu kepadanya. Seorang pemimpin yang jujur menganjurkan kepada satu fikiran atau satu rancangan yang baik terhadap umatnya dan terhadap masalah manusia seluruhnya, maka anjuran ini sudah menjadi akidah umum dan perjuangan umum yang didukung oleh rakyat seluruhnya. Perjuangan mereka sudah tentu berhasil dan menimbulkan kejayaan di dalam waktu yang singkat.

#### **Buku-buku Pelajaran**

Surat-menyurat (Jawi)	\$1.80
Panduan membaca dan menulis Jawi	1.50
Baca I	1.00
Pelajaran Sembahyang I	1.20
Pelajaran Sembahyang II	
Mengenai Imam, Makmum, Masbuk dan seumpamanya	1.20
Mari Sembahyang (Lelaki)	1.20
Mari Sembahyang (Perempuan)	1.20

Pesanan tambah 10 sen belanja Pos